

22/04/1997

Sekolah tanpa kemudahan tidak diketepikan

PENUBUHAN 91 sekolah bestari pertama di negara ini dalam tempoh dua tahun lagi akan turut merangkumi sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan peralatan telekomunikasi.

Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, berkata langkah itu bertujuan memastikan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan itu tidak dipinggirkan dalam usaha kerajaan meningkatkan tahap sekolah di negara menjadi sekolah bestari.

Sehubungan itu, katanya, semua 14 syarikat multimedia antarabangsa yang terbabit dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) telah dicabar untuk mencari jalan membabitkan sekolah berkenaan dalam projek sekolah bestari pertama itu.

"Dalam taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pelaksanaan sekolah bestari baru-baru ini, saya menyatakan ia akan membabitkan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan elektrik dan telekomunikasi.

"Kita mahu kepakaran yang ada pada 14 syarikat terbabit digunakan supaya sekolah yang tidak mempunyai kemudahan itu masih tetap boleh menyertai projek sekolah bestari," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan utama di Persidangan Pendidikan Nasional Kelima dan Konvensyen Pemuafakatan Pendidikan di Ipoh, Perak, semalam.

(END)